



KERAJAAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PENGALIHAN DAN PEMASANGAN SEMULA
KEMUDAHAN UTILITI DALAM PELAKSANAAN
PROJEK-PROJEK KERAJAAN
Bil. 1 Tahun 2010**

**Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
Ogos 2010**

GARIS PANDUAN PENGALIHAN DAN PEMASANGAN SEMULA KEMUDAHAN UTILITI DALAM PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KERAJAAN BIL. 1 TAHUN 2010

TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memaklumkan prosedur kerja serta kaedah pembiayaan terkini bagi kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula kemudahan utiliti di semua tapak projek termasuk pelbagai rizab yang terlibat (sekiranya ada).

LATAR BELAKANG

2. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan projek adalah disebabkan keperluan untuk mengalih dan memasang semula kemudahan utiliti yang terletak dalam tapak projek. Berdasarkan Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Kemudahan Awam Dalam Rizab Jalan (Pindaan 1) bertarikh 31 Januari 2005, Kerajaan hanya bertanggungjawab untuk membiayai kos pengalihan dan pemasangan semula paip air milik jabatan/syarikat bekalan air negeri sahaja, manakala kos pengalihan dan pemasangan semula kemudahan utiliti yang lain ditanggung sama ada oleh syarikat utiliti berkenaan atau pihak berkuasa jalan.

SKOP PEMATUHAN

3. Skop yang dimaksudkan dalam Garis Panduan ini adalah kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula semua jenis kemudahan utiliti yang terlibat dalam pelaksanaan projek yang terletak dalam

pelbagai kawasan rizab jalan, sungai, landasan, terusan, *wayleave* dan sebagainya.

4. Kemudahan utiliti merangkumi tiang dan kabel elektrik, kabel telekomunikasi, gentian optik, sistem pengagihan air, saluran gas, sistem pembedungan dan kemudahan utiliti yang lain.

KAEDAH PEMBIAYAAN

5. Pemakaian Garis Panduan ini adalah bagi pelaksanaan projek RMKe-10 di mana kos pengalihan dan pemasangan semula kemudahan utiliti akan ditanggung oleh pemilik projek berkenaan sebagai sebahagian daripada kos projek.

6. Kos pengalihan dan pemasangan semula kemudahan utiliti yang dibenarkan hanyalah bagi kerja yang melibatkan skop kerja dan spesifikasi asal berdasarkan kepada keperluan sebenar seperti yang dinyatakan dalam Ringkasan Projek (*Project Brief*). Sebarang pertambahan kos bagi kerja yang berbeza atau menyimpang daripada skop dan spesifikasi asal adalah di bawah tanggungjawab syarikat utiliti berkenaan.

KAEDAH PELAKSANAAN

7. Pemilik projek perlulah menghubungi agensi/syarikat kemudahan utiliti untuk mendapat serta mengesahkan skop kerja awalan dan anggaran kos yang diperlukan di peringkat perancangan bagi tujuan penyediaan ringkasan projek.

8. Kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula kemudahan utiliti yang berkenaan akan dilaksanakan oleh kontraktor utama (*main contractor*) dengan mematuhi syarat-syarat berikut:

- 8.1 melantik sub-kontraktor yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang relevan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
- 8.2 sub-kontraktor yang dilantik hendaklah berdaftar dengan syarikat utiliti yang berkenaan dalam bidang yang diperlukan;
- 8.3 pendaftaran sub-kontraktor dengan syarikat utiliti berkaitan hendaklah masih berkuat kuasa; dan
- 8.4 memaklumkan Agensi/Penguasa Projek atas pelantikan sub-kontraktor yang dilantik.

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

9. Garis Panduan ini merupakan penambahbaikan kepada Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Kemudahan Awam Dalam Rizab Jalan (Pindaan 1) bertarikh 31 Januari 2005 dan pemakaiannya diperluaskan mengikut keperluan yang berkaitan atau relevan seperti yang terdapat dalam skop pematuhan yang dinyatakan di Perenggan 3 dan 4 di atas tertakluk kepada kaedah pembiayaan seperti yang dinyatakan di Perenggan 5 dan 6.

10. Peraturan yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN

11. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Kemudahan Utiliti dalam Pelaksanaan Projek-Projek Kerajaan hendaklah dirujuk kepada:

- (i) **Ketua Pengarah,
Unit Penyelarasan Pelaksanaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 3, Blok Timur,
Bangunan Perdana Putra,
62502 PUTRAJAYA.
(U.P.: Timbalan Ketua Pengarah (P&P))**

- (ii) **Ketua Pengarah Kerja Raya,
Jabatan Kerja Raya Malaysia,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 5, Blok F,
Jalan Sultan Salahudin,
50582 KUALA LUMPUR.
(U.P.: Pengarah Cawangan Jalan)**

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(Datuk Haji Shukry bin Mohd Salleh)

Dikelilingkan Kepada:

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Badan Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan**